

# LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



## JAWATAN KOSONG



Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, terdiri daripada pemohon atau ibu/ bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

BIL	JAWATAN	GED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
A.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N 19	1	KONTRAK

**NAMA JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19**

**KUMPULAN : PELAKSANA**

**PENEMPATAN : PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF**

### JADUAL GAJI

GED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
N19	RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00
ITKA ITP Elaun Sara Hidup	RM115.00 RM300.00 RM150.00-RM300.00		

### SYARAT LANTIKAN:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Keutamaan kepada mereka yang memiliki kelayakan dan pengalaman dalam bidang kesetiausahaan.

## RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat Pengarah Eksekutif berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

## TARAF JAWATAN

## KONTRAK

### SYARAT- SYARAT LANTIKAN/ PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan.
- Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dan perlu disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemas kini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- Borang Permohonan yang tidak lengkap diisi akan ditolak.
- Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### SYARAT- SYARAT LANTIKAN/ PERMOHONAN

Borang (LPHS 01/ PSM) boleh didapati secara percuma di kaunter LPHS atau laman web <http://lphs.selangor.gov.my>. Permohonan hendaklah di hantar kepada:

**PENGARAH EKSEKUTIF  
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
TINGKAT 5, PODIUM UTARA, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM.**

Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **23 November 2018 (Jumaat)**